

ALOR SETAR, 23 MEI (BERNAMA) — KEJAYAAN MALAYSIA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN MELALUI SEMANGAT KERJASAMA RAKYATNYA TELAH MENIMBULKAN IRI HATI ORANG ASING KHUSUSNYA MASYARAKAT BARAT YANG DULUNYA MEMERINTAH NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA ORANG-ORANG ASING TERSEBUT KINI CUBA MELAGAKAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA, AGAR BERMUSUHAN ANTARA SATU SAMA LAIN UNTUK MENCHANCURKAN NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYEBUT PERBUATAN WARTAWAN-WARTAWAN ASING DARI AMERIKA DAN BRITAIN YANG MENYIARKAN LAPORAN-LAPORAN SENSITIF YANG BOLEH MENJEJASKAN PERPADUAN RAKYAT.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SEKOLAH SULTAN ABDUL HALIM, JITRA, 12 BATU DARI SINI.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, ORANG-ORANG ASING ITU CUBA MEMBERI GALAKAN KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG DENGAN MEMBESAR-BESARKAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA DENGAN HARAPAN PERBUATAN MEREKA ITU AKAN MENJADI GALAKAN KEPADA KUMPULAN-KUMPULAN KECIL YANG TIDAK SUKA KEPADA KEAMANAN BERANI MENCABAR KERAJAAN. — BERSAMBUNG 1817/YF

B589

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

KATANYA, BELIAU MEMBANGKITKAN PERKARA TERSEBUT KERANA KEMUNGKINAN ADA KAUM TERTENTU DI NEGARA INI YANG TERTARIK DENGAN LAPORAN-LAPORAN AKHBAR DAN MAJALAH ASING KONONNYA ORANG-ORANG TERSEBUT MEMPERJUANGKAN NASIB KAUM TERTENTU ITU.

ORANG-ORANG ASING ITU BUKAN BERJUANG UNTUK KAUM TERTENTU DI NEGARA INI MALAH MEREKA BERJUANG UNTUK DIRI SENDIRI SUPAYA NEGARA INI HANCUR DAN MENJADI NEGARA YANG DIJAJAH SEMULA, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

NIAT WARTAWAN-WARTAWAN TERSEBUT MEMBUAT LAPORAN DEMIKIAN IALAH UNTUK MENGGALAKAN SATU KAUM TERTENTU DI NEGARA INI MENENTANG KERAJAAN DENGAN MEMBERONTAK, MENGADAKAN TUNJUK PERASAAN DAN MENIMBULKAN HURU-HARA SUPAYA PEMBANGUNAN DAN KETERTIPAN DI DALAM NEGARA AKAN TERJEJAS, KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA APABILA PEMBANGUNAN NEGARA INI TERJEJAS, PIHAK-PIHAK TERSEBUT AKAN MELAUNGAN +ITULAH AKIBAT-NYA APABILA ORANG PUTIH TIDAK LAGI MEMERINTAH NEGARA INI+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI CONTOH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) YANG DIJADIKAN ISU KONTROVESI OLEH AKHBAR-AKHBAR DAN MAJALAH ASING UNTUK MENCAPAI TUJUAN JAHAT MEREKA. — BERSAMBUNG 1822/YF.

MAHATHIR 3 ALOR SETAR

MENGENAI UMNO, BELIAU BERKATA PARTI ITU MESTILAH MEWUJUDKAN KEPIMPINAN YANG BENAR-BENAR MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN PARTI.

KATANYA: +JIKA AHLI-AHLI PARTI MENGABAIKAN PERLEMBAGAAN PARTI, TETAPI SEBALIKNYA MENGGUNAKAN PERATURAN DAN DASARNYA HANYA UNTUK MENCAPAI KEUNTUNGAN DIRI SENDIRI, MASA DEPAN UMNO DAN NEGARA AKAN TERJEJAS.+

MENYENTUH TENTANG PEMBANGUNAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKASKAN KEMAHUAN DAN KESANGGUPAN RAKYAT UNTUK BEKERJA KERAS AKAN MENENTUKAN KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA INI.

BELIAU BERKATA RAKYAT HENDAKLAH MENGGANDAKAN USAHA MEREKA BAGI MENAMBAH KEMAKMURAN NEGARA YANG DAPAT MEMBANTU MEMBERI KESENYANGAN HIDUP UNTUK SEMUA. — BERNAMA 1824/YF